



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 23/2023

**HAK DAN TANGGUNGJAWAB MENJAGA
HAIWAN**

9 Jun 2023

Bersamaan

20 Zulkaedah 1444

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَكَفٰى ، وَسَلَامٌ عَلٰى عِبَادِهِ الَّذِيْنَ اصْطَفٰى،

اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ

بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُوْنَ.

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang jumaat, untuk bertaqwa kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, menjauhi segala larangan-Nya dan melaksanakan segala titah perintah-Nya. Semoga kita semua berada dalam panduan Allah untuk mentadbir bumi-Nya dengan amanah dan taqwa. Mimbar jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk:

“HAK DAN TANGGUNGJAWAB MENJAGA HAIWAN”.

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Islam adalah agama yang syumul, memberi panduan dalam semua aspek kehidupan manusia. Al-Quran perlu dijadikan perlembagaan kepada manusia dalam menguruskan kehidupan dan ekosistem yang ada di muka bumi ini. Penciptaan manusia bukan sahaja untuk kesinambungan kehidupan manusia, tetapi manusia dilantik oleh Allah sebagai khalifah untuk mentadbir bumi dengan adil dan saksama. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ
قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya."

Menurut Imam al-Suyuti, ketika Allah hendak menjadikan manusia sebagai khalifah, malaikat menyatakan kebimbangan tentang sikap manusia yang akan membuat kerosakan kepada bumi. Namun, Allah SWT telah menciptakan manusia dengan dipandu oleh rasul dan kitab yang suci sebagai pedoman sepanjang masa. Manusia dilantik oleh Allah SWT sebagai khalifah yang bertanggungjawab ke atas segala ekosistem yang ada di bumi ini. Tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang diciptakan Allah SWT bukan sahaja untuk memenuhi keperluan manusia, tetapi kedua-duanya juga memerlukan manusia untuk mengurus kebajikan dan kelestarian ekosistem alam.

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah

Haiwan adalah makhluk Allah yang mempunyai hubungan rapat dengan manusia. Manusia bukan sahaja memerlukan haiwan sebagai sumber makanan, tetapi kepentingan haiwan juga termasuk dalam menjana sumber ekonomi. Haiwan-haiwan seperti kerbau, gajah dan kuda telah digunakan sebagai pengangkutan untuk aktiviti manusia. Di samping itu, haiwan seperti anjing juga digunakan dalam aspek keselamatan, penjagaan harta benda dan membantu dalam kes jenayah. Manakala haiwan peliharaan seperti kucing boleh memberi kesan positif dalam aspek emosi kepada manusia. Melihat peranan haiwan yang hebat kepada manusia, maka aspek hak dan kebajikan haiwan harus dilihat dan diberi perhatian. Hak asasi haiwan dalam Islam telah jelas disebut oleh Allah SWT dalam al-Quran; Surah al-An'am ayat: 38 :

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَّمٌ أَمْثَالِكُمْ مَا فَرَّطْنَا فِي

الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: Dan tidak seekor pun haiwan yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu juga. Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).

Menurut Ibnu Kathir, Allah telah memberi peringatan kepada kita untuk menjaga hak semua jenis haiwan. Maksud “*Umat-umat seperti kamu*” merujuk kepada hak haiwan sama seperti hak manusia diciptakan, diberi nyawa, rezeki dan hidup dengan baik di bumi. Allah juga mengiktiraf dan menghormati semua makhluk hidup dan memerintahkan kita untuk melakukan perkara yang sama. Bahkan Islam turut memberi amaran kepada manusia yang mencederakan haiwan sebagaimana yang terkandung dalam mafhum hadis Nabi SAW;

“Seorang wanita telah dimasukkan ke dalam neraka disebabkan kucing yang dikurungnya di dalam rumah tanpa diberi makanan dan tidak pula dilepaskan, agar bebas mencari makanan sendiri.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Islam sangat prihatin terhadap etika dan kebajikan haiwan. Antara kebajikan yang perlu dilakukan ialah seperti memberi air, memberi makanan yang betul, menyediakan tempat tinggal, menjaga keselamatan, tidak menyiksa dan melakukan perkara yang boleh menyakiti mereka. Tanggungjawab manusia yang menjaga haiwan peliharaan sangat besar, ini kerana haiwan peliharaan seperti kucing tergolong dalam makhluk lemah Allah dan perlu dilindungi.

Kebajikan haiwan yang menjadi sumber makanan kepada manusia seperti lembu, kambing, biri-biri dan haiwan lain yang halal juga perlu dijaga. Justeru, Khatib ingin berpesan agar semua haiwan ternakan harus diletakkan di dalam kandang yang tertutup dan tidak dilepaskan. Ini kerana, perbuatan melepaskan haiwan ternakan kerap kali membawa kepada kemalangan di lebuh raya dan jalan-jalan kampung, sehingga membawa kepada kecederaan dan kehilangan nyawa manusia. Ibnu Abbas pernah meriwayatkan bahawa Nabi SAW telah bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: “Tidak boleh memudharatkan dan tidak boleh membalas mudharat dengan mudharat.”

(Riwayat Ibn Majah)

Antara hak dan tanggungjawab dalam menjaga kebajikan haiwan ialah tidak membiarkan haiwan berkeliaran, buang najis merata-rata, merosakkan tanaman dan harta benda orang lain, terutamanya jiran tetangga. Hal ini membawa kepada salah faham, pertikaian dan tidak harmoni dalam masyarakat.

Sidang jumaat yang dikasihi sekalian,

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib menyeru agar kita menginsafi bahawa Allah menciptakan manusia sebagai khalifah adalah untuk mengurus alam ini termasuk menjaga hak haiwan dengan penuh ihsan, rahmah dan amanah. Penganiayaan dan pengabaian haiwan adalah menjadi kesalahan di sisi undang-undang. Kita juga perlu menjaga kebajikan haiwan peliharaan dan ternakan sebaiknya. Jangan membiarkan binatang peliharaan menjadi punca kesusahan dan memberi kemudharatan kepada pihak lain.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالْأَنْعَامَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٥﴾

وَلَكُمْ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ تُرِيحُونَ وَحِينَ تَسْرَحُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: Dan diciptakan-Nya binatang ternak untuk kamu; terdapat padanya benda yang memanaskan dan beberapa faedah lain; dan daripadanya kamu makan. Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu, keindahan ketika kamu membawanya balik untuk berehat, dan ketika kamu membawanya keluar.

(Surah an Nahl : 5-6)

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجَذَامِ وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.
اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفِيَّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.
وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ احْفَظْ وَوَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim

Perbaikilah hubungan antara kami, pertautkanlah hati-hati kami dengan penuh kasih sayang, limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami sakinah, mawaddah dan rahmah. Hidupkanlah semangat bekerjasama dan bersatu padu dalam kejiranan dan qaryah kami.

Kurniakanlah kepada para belia dan remaja kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, ilmu yang bermanfaat agar mereka menjadi generasi al-Qowiyul al-Amin, generasi yang hebat lagi amanah. Jauhkanlah mereka daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Ya Allah,

Tunjukkanlah kami jalan-jalan kebaikan dan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kegelapan kufur menuju kepada sinar iman, peliharalah akidah kami berpandukan akidah ahli sunnah wal jamaah. Janganlah Engkau pesongkan hati kami daripada kebenaran. Akhiri hayat kami dalam keadaan Islam dan Iman.

Ya Allah,

Jadikanlah negeri Terengganu, negeri yang aman dan damai. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Jaukanlah negeri kami ini dan negara umat Islam seluruhnya daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaanMu. Amin Ya Rabbal alamin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.